

Bil. S 49

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGAL 142)**

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (KESALAHAN BOLEH KOMPAUN), 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Kesalahan boleh kompaun.
 3. Borang.
 4. Pembayaran.
 5. Resit.
-

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGGAJ 142)**

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (KESALAHAN BOLEH KOMPAUN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 11 dari Akta Kawalan Harga, maka Menteri Kewangan II, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Kesalahan Boleh Kompaun), 2012.

Kesalahan boleh kompaun.

2. Kesalahan-kesalahan yang disebut dalam Akta itu dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dikompaun oleh Pengawal Harga dan Timbalan Pengawal Harga.

Borang.

3. Tawaran untuk mengkompaun hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal Harga.

Pembayaran.

4. Apabila tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan dibuat dan diterima, pembayarannya hendaklah dibuat dengan wang tunai di tempat di mana tawaran itu dibuat.

Resit.

5. Apabila pembayaran dibuat menurut peraturan 4, resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi pembayaran tersebut kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun dibuat.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM
Menteri Kewangan II,
Negara Brunei Darussalam.